

lokal

Kuala Lumpur

Sambutan Hari Kebangsaan 2022 semalam menyaksikan orang ramai yang hadir ke Dataran Merdeka terpu-kau dengan acara kemuncak pertunjukan aset udara Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Aksi terbang lintas kira-kira lapan minit itu menerima tepukan, sorakan serta lambaian daripada pengu-unjung sebagai tanda penghargaan selain tidak ketinggalan mengeluarkan telefon dan kamera masing-masing bagi mengabadikan aksi menarik tersebut.

Buat pertama kalinya dalam Sambutan Hari Kebangsaan, segmen pertunjukan udara tidak disekalikan dengan kontinjen berjalan lalu bagi membolehkan penonton memberi fokus kepada setiap aset yang berjalan lalu seterusnya dapat menyaksikan terbang lintas hormat dan aksi pesawat di udara dengan lebih jelas dan terperinci.

Lebih menarik segmen itu dikendalikan sendiri oleh komen-tator daripada Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Kapten Aslam Hariri Abdul Rashid dan Leftenan Nurshahira Nazarudin.

Segmen pertunjukan udara itu melibatkan pesawat pejuang, pesawat angkut dan helikopter antaranya Sukhoi SU 30 MKM, F-18D Hornet dan B.A.E Hawk serta pesawat angkut A400M dan C130, helikopter EC 725AP, AW 109, MD 530G, FENNEC, AW139, AW 189 dan Mi 17.

Sesi terbang lintas itu di-mulakan dengan formasi penerbangan lima aset

Gema membelah angkasa!

(1 SEPTEMBER 2022) MIMO, P16
Aksi terbang lintas aset udara ATM memukau orang ramai di Dataran Merdeka

TUDM SU-30MKM sebagai persembahan pembukaan diikuti empat Heli EC 752 AP dan tiga Heli AW139.

Segmen itu diakhiri dengan terbang lintas pesawat pejuang BAE Hawk, formasi VIIC pesawat Sukhoi SU 30 MKM, The Flanker, pesawat

PESAWAT tempur Hawk-208 TUDM membuat lintas hormat.

F18 D dan The Mighty Hornet milik TUDM.

Menurut komentator, pesawat pejuang berkenaan berupaya melakukan pelbagai serangan udara seperti pertempuran udara ke udara, udara ke tanah, sokongan

dari udara, pengeboman dari udara, peninjauan, perang elektronik dan menggempur pertahanan udara.

Penyertaan segmen pertunjukan udara pada kali ini menggabungkan kemahiran dan kepakaran ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM iaitu pesawat udara milik TUDM, Tentera Darat dan Tentera Laut Diraja Malaysia selain pesawat milik pasukan keselamatan dan penguatkuasaan Polis Diraja

PERTUNJUKAN terbang lintas pesawat pejuang Sukhoi Su-30MKM di ruang udara Dataran Merdeka, semalam.

PESAWAT Hornet FA-8D melakukan aksi akrobatik.

Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Terbang lintas pesawat udara khususnya oleh TUDM adalah acara wajib yang dapat menaikkan semangat dan perasaan bangga rakyat Malaysia kerana memiliki juruterbang berpengalaman dan hebat di awan biru.

Segmen itu memaparkan kebolehpayaan dan kesiapsiagaan TUDM hasil gabungan kemahiran serta kepakaran warganya khas untuk sambutan Hari Kebangsaan 2022.